



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index

(Jan 2015=100)

JUN 2025

JUNE 2025

Indeks Harga Pengguna Jun 2025

Memahami Inflasi, Harga Makanan dan Tindakan yang Boleh Diambil

Ramai isirumah terus meluahkan kebimbangan terhadap harga barangan dapur, walaupun kadar inflasi keseluruhan telah menurun dan mencatatkan kadar negatif. Kenaikan harga bagi beberapa barangan makanan asas yang kebanyakannya diimport masih tinggi dan dirasakan oleh isirumah di seluruh negara. Untuk memahami isu ini dengan lebih jelas, berikut adalah penerangan mengenai apa yang sedang berlaku, apa yang telah dilakukan, dan apakah kesannya kepada pengguna serta perniagaan.

Apa Maksud Inflasi Negatif?

Inflasi menunjukkan sejauh mana harga berubah berbanding tempoh lepas, contohnya dari tahun ke tahun atau bulan ke bulan. Inflasi diukur berdasarkan satu bakul barangan dan perkhidmatan yang lazimnya dibeli oleh isirumah. Bakul ini ditentukan berdasarkan kajian perbelanjaan keluarga yang bertujuan untuk mencerminkan corak perbelanjaan umum penduduk.

Kadar inflasi negatif bermaksud harga keseluruhan menurun berbanding tahun sebelumnya, tetapi ini tidak bermaksud harga telah kembali ke paras sebelum COVID.

Mengapa Harga Makanan Terus Meningkat?


Data terkini yang membandingkan harga purata bulan Jun 2025 berbanding sebelum COVID pada tahun 2019 menunjukkan peningkatan ketara bagi pelbagai barangan makanan asas. Antara yang mencatatkan peningkatan ketara ialah:

- Daging cincang beku
- Daging kambing segar
- Lada hidup
- Tomato
- Minyak masak

Kenaikan harga ini berpunca daripada faktor global seperti gangguan rantai bekalan, kesan perubahan iklim dan ketegangan geopolitik serta faktor tempatan seperti kos pengeluaran dan pengeluaran skala kecil.

Walaupun kenaikan harga tidak secepat tempoh sejezus selepas COVID, harga pada masa ini masih jauh lebih tinggi berbanding tahun 2019. Namun begitu, Brunei dapat menangani tekanan tersebut dengan lebih baik berbanding dengan beberapa negara serantau (**Rajah 1**), memandangkan kenaikan harga adalah pada relatif sederhana dan barangan keperluan kekal mampu milik hasil daripada beberapa inisiatif Kerajaan yang disasarkan.

Indeks Harga Pengguna Jun 2025



Apakah Langkah-Langkah yang Boleh Diambil?

Menangani kenaikan harga makanan memerlukan pelbagai pendekatan. Berikut ialah usaha yang telah dilaksanakan dan langkah-langkah yang boleh diteruskan:

1. Tingkatkan pengeluaran tempatan

Usaha untuk mengeluarkan barangan seperti cili dan minyak masak secara tempatan adalah penting bagi menjamin sekuriti makanan negara. Namun begitu, pengeluaran tempatan tidak semestinya dapat menurunkan harga dengan ketara kerana ia masih berskala kecil dan melibatkan kos yang tinggi. Secara amnya, pengeluaran tempatan lebih bertujuan untuk menjamin bekalan daripada mengurangkan harga.

2. Melindungi pengguna

Kerajaan secara aktif melindungi pengguna melalui langkah-langkah berikut:

- Pemantauan harga secara mingguan serta penyiaran harga barangan makanan asas bagi mengekalkan ketelusan dan mencegah amalan mengambil untung secara berlebihan, sambil membolehkan pasaran berfungsi secara adil.
- Pelaksanaan kawalan harga yang dikendalikan dengan pertimbangan yang teliti bagi mengelakkan gangguan terhadap pasaran.
- Pemberian subsidi menyeluruh bagi meringankan kos sara hidup, terutamanya bagi bahan api, utiliti dan beras, yang telah membantu mengekalkan kadar inflasi negara antara yang terendah di rantau ini (**Jadual 1**).

Indeks Harga Pengguna Jun 2025

Jadual 1: Perbandingan harga purata di Brunei dan negara jiran

Komoditi	Unit	Harga purata di Brunei (BND)	Harga purata di negara jiran (BND)
Ayam bulat	kg	5.02	8.89
Minyak kereta	liter	0.53	3.01
Gula halus	kg	1.25	1.71
Beras	kg	1.25	2.79
Elektrik	1 - 600 kWh	0.01	0.30
	601 - 2000 kWh	0.08	
	2001 - 4000 kWh	0.10	
	4001 kWh ke atas	0.12	

Pendekatan negara merangkumi pemantauan harga, subsidi serta pengawasan pasaran bagi melindungi kepentingan semua pengguna, serta memastikan kesan kenaikan harga global dapat ditangani secara berhemah di peringkat domestik.

3. Menangani punca-punca utama

Bagi mengekalkan kestabilan harga dalam jangka panjang, punca-punca utama kenaikan harga perlu ditangani. Antara tindakan yang boleh diambil oleh pihak perniagaan termasuk:

- Mempelbagaikan sumber import bagi mengurangkan kebergantungan kepada satu negara atau pembekal (contohnya: minyak masak dari Malaysia, Indonesia dan UAE).
- Memperkukuh rantai bekalan serantau bagi meningkatkan daya tahan bekalan.
- Memanfaatkan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) serta kerjasama dua hala bagi mendapatkan bekalan yang lebih stabil dan berdaya saing.

Walaupun kenaikan harga makanan mencerminkan cabaran global dan domestik, langkah proaktif sedang diambil untuk melindungi pengguna dan menjamin kestabilan bekalan. Kadar inflasi negara kekal sederhana berbanding negara-negara serantau hasil daripada dasar yang menggabungkan ketelusan, pemantauan harga, subsidi dan kepelbagaian sumber.

Memahami perbezaan antara inflasi negatif dan penurunan harga membantu kita memahami laporan berita dengan lebih tepat, manakala kesedaran terhadap kerumitan pasaran makanan menekankan keperluan pendekatan yang merangkumi strategi jangka pendek dan panjang.

Dengan kerjasama antara Kerajaan, sektor perniagaan dan pengguna, tempoh mencabar ini boleh dilalui dan sistem makanan yang lebih berdaya tahan boleh dibina untuk masa hadapan.

Consumer Price Index June 2025

Understanding Inflation, Food Prices and How We Can Respond

Many households continue to express concerns about the prices of groceries, even as overall inflation has moderated or turned negative. Higher prices for some essential food items, most of which are imported, remain noticeable for families across the country. To understand this better, let's break down what's happening, what is being done, and what it means for consumers and businesses.

What Does Negative Inflation Mean?

You may have heard the term *negative inflation* in the news and wondered what it means. Inflation measures how much prices have changed compared to a previous period — typically year-on-year or month-on-month — based on a selected basket of goods and services that reflects household spending patterns. This basket is derived from household expenditure surveys and is intended to represent the general consumption of the population.

A negative inflation rate means that overall prices are falling compared to the previous year, but it does not mean prices have returned to pre-COVID levels.

Why Are Food Prices Rising?


Recent data comparing average prices in June 2025 to pre-COVID levels in 2019 shows that food prices have risen significantly across a range of essential items. Notable increases include:

- Frozen minced beef
- Fresh lamb
- Chillies
- Tomatoes
- Cooking oils

These price rises reflect both global factors, such as supply chain disruptions, climate-related impacts, and geopolitical tensions and local market conditions, including production costs and smaller scale of production.

While prices today may not be rising as quickly as during the immediate post-COVID period, they remain well above 2019 levels. Nonetheless, Brunei is managing these pressures better than many regional countries (**Figure 1**), as price increases have been relatively moderate and essential goods remain affordable due to targeted government interventions.

Consumer Price Index June 2025



What Can Be Done?

Addressing rising food prices requires a multi-faceted approach. Here's what has been done and what more can be pursued:

4. Boosting local production

Initiatives to produce items like chillies and cooking oil locally are important for improving food security. However, local production alone does not always reduce prices significantly because production remains small-scale and costly. Local production contributes more to ensuring supply rather than moderating prices.

5. Protecting consumers

The government is actively working to protect consumers by:

- Conducting weekly price monitoring and publishing essential food prices to maintain transparency, to deter profiteering while allowing businesses to operate efficiently and maintain fair competition.
- Applying a measured degree of price control, used sparingly to avoid disrupting the functioning of the market.
- Providing blanket subsidies to relieve cost-of-living pressures, particularly for fuel, utilities, and rice — measures that have kept Brunei's inflation relatively low compared to other countries in the region where consumers often bear the full market prices (**Table 1**).

Consumer Price Index June 2025

Table 1: Comparison of average prices in Brunei and a neighbouring country

Commodity	Unit	Average price in Brunei (BND)	Average price in a neighbouring country (BND)
Whole chicken	kg	5.02	8.89
Petrol gas	litre	0.53	3.01
Fine sugar	kg	1.25	1.71
Rice	kg	1.25	2.79
Electricity	1 - 600 kWh	0.01	0.30
	601 - 2000 kWh	0.08	
	2001 - 4000 kWh	0.10	
	4001 kWh and above	0.12	

Brunei's approach combines price monitoring, subsidies, and market oversight to protect all consumers, ensuring that even when prices rise globally, the local impact is managed responsibly.

6. Addressing root causes

To ensure price stability in the longer term, we must tackle the underlying factors driving food prices. This requires actions through businesses to:

- Diversify import sources so we are not overly reliant on a single supplier or country (e.g., sourcing cooking oil from Malaysia, Indonesia, and also the UAE).
- Strengthen regional supply chains to improve resilience.
- Leverage Free Trade Agreements (FTAs) and bilateral partnerships to secure more competitive and stable supplies.

While rising food prices reflect global and local challenges, proactive steps are being taken to protect consumers and ensure stable supplies. Brunei's inflation remains moderate compared to regional peers, thanks to deliberate policies that combine transparency, price monitoring, subsidies, and diversification of sources.

Understanding the difference between negative inflation and falling prices helps us interpret the news more accurately, and appreciating the complexity of food markets underscores why addressing this issue requires a mix of short-term relief and long-term strategies.

By working together, as government, businesses, and consumers, we can navigate this challenging period and build a more resilient food system for the future.